

Tok Ayah nasihatkan generasi muda supaya keluar pilih pemimpin negara

Mengundi bukan perkara kecil

PASIR MAS – Seorang lelaki warga emas berusia 104 tahun, Zakaria Idris dari Kampung Kubang Batu, Tok Uban di sini tidak pernah tertinggal sekali pun menunaikan tanggungjawab mengundi sejak Pilihan Raya Umum (PRU) pertama pada tahun 1955.

Pada 9 Mei ini, Zakaria sekali lagi nekad untuk keluar mengundi pada PRU-14 sebagai tanggungjawabnya memilih pemimpin.

Menurutnya, pada PRU-14 kali ini dia akan membuang undi di Sekolah Kebangsaan (SK) Kubang Chetok di sini.

"Insya-Allah, jika tidak ada aral melintang, saya mahu membuang undi seawal pukul 8 pagi dengan salah seorang anak iaitu

Mazlan, 48. Saya tidak percaya ini sudah kali ke-14 saya mengundi.

"Walaupun tidak pernah ketinggalan walau sekali pun PRU di negara ini, saya tetap berasa teruja seperti kali pertama mengundi pada usia 41 tahun," ujarnya ketika ditemui di sini semalam.

Kosmo! pada Januari lalu melaporkan, Zakaria yang mesra dipanggil Tok Ayah masih gagah mengayuh basikal ke kedai makan kegemarannya setiap hari walaupun sudah berusia 104 tahun.

Zakaria memberitahu, membuang undi bukanlah perkara yang boleh diambil mudah oleh rakyat negara ini kerana ia proses yang cukup besar untuk memilih pemimpin.



ZAKARIA menunjukkan kad pengenalannya yang membuktikan beliau berusia 104 tahun ketika ditemui di Pasir Mas semalam.